

Tarikh Dibaca: 04 Julai 2025M / 8 Muharram 1447H



KHUTBAH JUMAAAT

Tajuk:

**“SELANGOR NEGERI
AHLI SUNNAH WAL JAMAAH”**

*Terbitan:
Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR*



"SELANGOR NEGERI AHLI SUNNAH WAL JAMAAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ : يَوْمَ تَبَيَّضُ وُجُوهٌ وَتَسُودُ وُجُوهٌ فَأَمَّا الَّذِينَ أَسْوَدَتْ
وُجُوهُهُمْ أَكَفَرُتُمْ بَعْدَ إِيمَنِكُمْ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُنْتُمْ
تَكُفُّرُونَ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِيهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُؤْنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

¹Ali-‘Imran: 106.

² Ali-‘Imran: 102.



Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk "**SELANGOR NEGERI AHLI SUNNAH WAL JAMAAH**".

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan pegangan majoriti umat Islam di seluruh dunia, khususnya di rantau Asia Tenggara termasuk negara kita, Malaysia. Bahkan, ia telah ditetapkan sebagai pegangan rasmi umat Islam di negara ini berdasarkan keputusan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, pandangan para mufti serta ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa seluruh negeri.

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah memutuskan dengan jelas bahawa:

"Umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak."



Istilah "Ahli Sunnah Wal Jamaah" ini sebenarnya berasal daripada perkataan *ahlus sunnah* yang bermaksud golongan yang berpegang kepada sunnah Nabi SAW, dan al-jama‘ah yang merujuk kepada golongan sahabat dan para pengikut mereka yang istiqamah di atas jalan Baginda SAW. Maka Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah mereka yang berpegang teguh dengan ajaran Nabi Muhammad SAW sebagaimana yang difahami dan diamalkan oleh para sahabat Baginda, tabi‘ tabi‘in sehingga ke pada kita hari ini. Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah golongan yang mengutamakan perpaduan dan kesatuan dalam agama dan dalam masa yang sama mereka menjauhi permusuhan dan perpecahan.

Allah SWT berfirman dalam surah Ali-'Imran ayat 106 yang dibacakan pada awal khutbah yang bermaksud:

"Pada hari (kiamat), ada orang yang berwajah putih berseri dan ada pula yang berwajah hitam legam. Adapun orang yang berwajah hitam legam itu (akan ditempelak), "Patutkah kamu menjadi kufur ingkar sesudah kamu beriman? Oleh itu, rasakanlah azab seksa neraka disebabkan kekufuran kamu itu".

Menurut Imam al-Suyuthi berkenaan ayat di atas, golongan yang wajahnya berseri pada hari kiamat ialah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Alhamdulillah, Kerajaan Negeri Selangor dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah mewartakan Fatwa Berkaitan Ahli Sunnah Wal Jamaah pada 17 Jun 2025. Fatwa tersebut dengan jelas menyatakan bahawa Ahli Sunnah Wal Jamaah dari sudut akidah dan tauhid, mengikut



manhaj Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari, Imam Abu Mansur al-Maturidi, ulama al-Asha'irah dan al-Maturidiah.

Dari sudut syariah dan fiqah, sesuatu hukum ditentukan berdasarkan pegangan mazhab Imam al-Shafi'i, atau dalam keadaan tertentu, boleh juga merujuk kepada pandangan Mazhab Hanafi, Maliki, Hanbali, atau ijtihad hukum yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa.

Manakala dari sudut akhlak dan tasawuf, aliran ini mengikut manhaj Imam Junaid al-Baghdadi, Imam al-Ghazali atau ulama sufi yang muktabar.

Tafsiran ini berasaskan pegangan dan pandangan yang kukuh, sebagaimana yang telah diterima oleh majoriti ulama dan umat Islam sejak zaman berzaman. Ia merupakan fahaman serta amalan agama yang diwarisi daripada Rasulullah SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*, seterusnya disampaikan oleh para ulama muktabar dari kalangan generasi salaf (iaitu generasi awal Islam termasuk para sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in) dan khalaf (iaitu generasi selepas salaf yang meneruskan tradisi keilmuan Islam) hingga ke hari ini. Ia juga disifatkan sebagai kesepakatan yang menyelamatkan ummah sejak zaman berzaman.

Hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik *Radiallahuanhu*, beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أُمَّتِي لَا تَجْتَمِعُ عَلَىٰ ضَلَالٍ، فَإِذَا رَأَيْتُمُ اخْتِلَافًا فَعَلَيْكُمْ
بِالسَّوَادِ الْأَعْظَمِ



"Sesungguhnya umatku tidak akan bersepakat di atas kesesatan. Maka apabila kamu melihat perselisihan, maka hendaklah kamu bersama golongan yang majoriti (as-sawād al-a'żam).

(Riwayat Ibnu Majah).

Selain itu, Imam Murtadha al-Zabidi juga ketika mensyarahkan kitab Ihya' Ulumiddin ada menyebutkan:

إِذَا أُطْلِقَ أَهْلُ السُّنْنَةِ وَالْجَمَاعَةِ فَالْمُرَادُ بِهِمُ الْأَشَاعِرَةُ
وَالْمَاتُرِدِيَّةُ

"Apabila disebut Ahli Sunnah Wal Jamaah secara mutlak, maka yang dimaksudkan dengan golongan ini adalah al-Asha'irah dan al-Maturidiah."

Para ulama dan umara Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan tafsiran ini telah memainkan peranan penting dalam pembangunan institusi pendidikan, pentadbiran Islam, institusi kehakiman, pelaksanaan jihad yang sahih, amar makruf nahi mungkar dan pengembangan ilmu Islam seperti akidah, fiqh, tasawuf, qiraat, hadis dan lain-lain.

Sejak kedatangan Islam di Tanah Melayu, para sultan, ulama, qadi dan rakyat jelata telah berpegang dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Pada hari ini, hampir semua negeri di Malaysia memiliki tafsiran yang sama dengan sedikit perbezaan pada sudut bahasa sahaja. Bahkan di Negeri Selangor, Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan dan ulama telah berpegang, mengamalkan dan menyebarkan pegangan dan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah serta menjadikannya sebagai syiar agama.



Duli Yang Maha Mulia Sultan 'Alaeddin Sulaiman Shah Alhaj, Sultan Selangor yang kelima telah mengarang kitab Pohon Agama yang merupakan kitab akidah Sifat 20 yang berteraskan kepada manhaj Abu al-Hasan al-Ash'ari iaitu tokoh akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Allah SWT berfirman dalam surah An-Nisa' ayat 59:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَلَّا مُرِّضِكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad) serta Ulil Amri (orang yang berkuasa) dalam kalangan kamu."

Justeru itu, mentaati Ulil Amri adalah suatu kemestian selagi mana tidak disuruh melakukan maksiat dan kemungkaran. Semua perkara baik yang mempunyai maslahat yang disuruh mahupun yang ditetapkan hendaklah diikut dan dituruti.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Manhaj al-Asha'irah dan al-Maturidiah merupakan pegangan yang sederhana, dan bukanlah manhaj yang sempit dan ekstrem sehingga mudah mengkafirkan golongan selainnya. Manhaj al-Asha'irah dan al-Maturidiah adalah manhaj yang sangat luas merangkumi ulama dan umat Islam daripada pelbagai mazhab dan aliran fiqh serta tasawuf. Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari sendiri dengan tegas melarang sikap kafir mengkafir sesama ahli kiblat.

Bahkan tokoh besar Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam akidah, fiqh dan tasawuf; iaitu Hujjatul Islam Muhammad bin Muhammad al-Ghazali berkata:



"Tersalah menganggap Islam 1000 orang kafir adalah lebih ringan daripada tersalah mengkafirkan 1 batang tubuh orang Islam".

Kata-kata ini seharusnya menjadi peringatan dan pedoman buat kita semua. Ia menggambarkan betapa para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah sangat berhati-hati dalam isu takfir, jauh sekali daripada pendekatan yang ekstrem. Para ulama al-Asha'irah dan al-Maturidiah dengan manhaj yang sederhana ini tidak bermudah-mudahan membid'ahkan perkara khilafiyah apatah lagi mengkafirkan sesama Islam.

Tafsiran ini juga tidak menafikan keharusan dan keabsahan untuk solat di belakang imam yang berbeza mazhab. Hal ini kerana dalam mazhab al-Shafi'i, solat di belakang imam yang berlainan mazhab dengan syarat masih seorang muslim adalah sah.

Sekiranya istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak ditakrifkan secara jelas dan menyeluruh, dibimbangi istilah ini akan disalahguna oleh golongan yang membawa ajaran menyimpang seperti Syiah, Arqam, Hizbut Tahrir, liberalisme, pluralisme agama dan seumpamanya. Mereka mungkin mendakwa termasuk dalam kelompok Ahli Sunnah Wal Jamaah, sedangkan hakikatnya mereka menolak prinsip-prinsip utama yang dipersetujui oleh jumhur ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah sepanjang zaman.

Di samping itu, tafsiran ini sebenarnya tidaklah mengeluarkan mana-mana kumpulan atau aliran lain yang sama manhaj dan kefahaman dengan al-Asha'irah dan al-Maturidiah daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah. Selagi mana sesuatu aliran itu mengikuti manhaj yang sama walaupun berlainan nama dan nisbah, selagi itu aliran tersebut adalah Ahli Sunnah Wal Jamaah.



Hadirin Jumaat yang diberkati Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan kita iaitu:

1. Umat Islam hendaklah berpegang kepada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan tafsiran yang dipegang oleh majoriti umat Islam di seluruh dunia seperti yang telah disebutkan di dalam fatwa.
2. Umat Islam hendaklah kekal berpegang kepada Fatwa yang telah diwartakan demi menjaga dan memelihara kesatuan umat sekaligus mengelakkan perbalahan dan perpecahan.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa berwaspada dan menjauhkan diri daripada terpengaruh dengan fahaman ekstrim yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar sebaliknya memilih prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَمَّا الَّذِينَ أَبْيَضُتُ وُجُوهُهُمْ فَفِي رَحْمَةِ اللَّهِ هُمْ فِيهَا خَلِدُونَ .

"Dan adapun orang yang berwajah putih berseri itu pula, mereka berada dalam limpahan rahmat Allah (syurga), mereka kekal di dalamnya".

(Surah Ali-Imran: 107).



بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلًا هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أُووصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقْوَى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ حَيَّاً إِلَيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ
وَسَلَامُوا تَسْلِيمًا.^۳

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

^۳ Al-Ahzab: 56.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَّةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنِدِيْكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ
الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَائِيْكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ،
سُلْطَانِ سلاْغُور، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ
الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ
أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةِ وَالتَّوْفِيقِ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ
عَهْدِ سلاْغُور، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ
ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنِ وَصَالَحٍ وَعَافِيَّةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمَكَ يَا ذَا
الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ
وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.



Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Peliharalah negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan maksiat, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Kurniakanlah kepada kami pemimpin yang amanah, jujur dan tegas dalam menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

Ya Allah! kukuhkanlah akidah umat Islam di negeri ini, berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum* serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا.⁴

رَبَّنَا ءَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ⁵.
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسْنَى وَإِيتَاهُ دِيْنُ الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ⁶.

⁴ Al-Furqan: 74.

⁵ Al-Baqarah: 201.

⁶ Al-Nahl: 90.



فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.